

TR 2:2:62

UCAPAN SELAMAT JALAN DARIPADA MENTERI PERTAHANAN KEPADA PASUKAN KETUJUH ASKAR MELAYU DIRAJA DAN "A" SQUADRON I RECCE DI PADANG SELANGOR KELAB, KUALA LUMPUR PADA 17HB FEBRUARI, 1962

Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Pasukan Ke 7 Askar Melayu Diraja dan " A " Squadron I Recce,

Terlebih dahulu saya suka menyampaikan ucapan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kepada tuan-tuan sekalian yang berbunyi demikian:

"Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Pasukan Ke 7 Askar Melayu Diraja dan " A " Squadron I Recce, saya ucapkan kepada tuan-tuan sekalian selaraat belayar, selamat berkhidmat, jagalah nama baik Negara dan Bangsa kita. Allah Peliharakan tuan-tuan sekalian".

Tuan-tuan sekalian telah dikehendaki pergi ke Congo untuk menolong mengamankan negeri itu supaya penduduk-penduduk negeri itu dapat duduk di dalam keadaan aman dan tenteram seperti kita di Tanah Melayu ini. Oleh itu saya berharap kepada tuan-tuan sekalian akan menjalankan pekerjaan masing-masing dengan cergas, cermat dan bertimbang rasa. Tuan-tuan pergi bukan untuk berperang bahkan kerana untuk memulihkan keamanan negeri. Oleh itu tuan-tuan hendaklah senantiasa menjalankan ikhtiar supaya berbaik-baik dengan penduduk-penduduk di Congo dan berikan pertolongan yang patut kepada mereka itu. Askar-askar kita iaitu rakan-rakan seperjuangan dengan tuan-tuan semua yang pergi ke Congo dan yang setengah-tengah telah pun balik ke Tanah Melayu telah menunjukkan kehandalan dan kecergasan yang sangat memberi puas hati. Mereka itu telah memberi nama yang baik kepada Tentera kita dan kepada bangsa dan tanah air kita. Oleh itu mustahaklah tuan-tuan sekalian menurut tauladan yang telah ditunjukkan oleh mereka itu serta menjaga nama baik Tentera kita dan Bangsa dan Negara kita.

Kita di Tanah Melayu ialah suatu Negara yang kecil tetapi telah berjaya menghantarkan satu bilangan tentera yang besar ke Congo

sebab kita percaya kepada keamanan dunia dan suka hendak memberi pertolongan kepada negeri-negeri yang lain yang terkena kemalangan seperti Congo itu supaya penduduk-penduduk negeri itu dapat menerima nikmat daripada keamanan seperti di Tanah Melayu. Negara kita yang muda ini telah menerima nama yang baik dalam semua lapangan di sisi Bangsa-bangsa di dunia. Tentera kita di Congo, oleh sebab kecergasan dan kebijaksanaan mereka itu, adalah mempunyai nama yang harum di sisi bangsa-bangsa lain yang berkhidmat di Congo dan juga di sisi penduduk-penduduk dan rakyat Congo. Oleh itu saya berharap kepada tiap-tiap orang dari tuan-tuan sekalian, baik pegawai-pegawai ataupun ahli-ahli biasa, jagalah diri masing-masing, jalankan tugas dengan cergas, cermat, tunjukkan kehandalan dan keberanian bangsa kita dan tunjukkan budi pekerti dan perangai yang baik. Tuan-tuan adalah menjalankan tugas Negara kita bagi menolong memulihkan keamanan dunia. Nama baik tentera bangsa kita, Negara kita, adalah di tangan tuan-tuan sekalian.

Saya ucapkan tuan-tuan sekalian selamat belayar, selamat menyempurnakan tugas masing-masing serta selamat balik ke tanah air kita. Mudah-mudahan Allah peliharakan tuan-tuan sekalian.